



BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 2 - 15 FEBRUARI 2021

BIL. 5 /2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 15 Februari 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 218,335** atau 81.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **47,135 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **2,176 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **266,445 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.95 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **1,618 kes atau 74.4 peratus** dikesan melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 1 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi jumlah kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 50.5 peratus**, Zon Selatan (19.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (15.8 peratus), Zon Utara (9.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (4.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 910 dan 269 kes** disusuli Sarawak (246 kes), W.P Kuala Lumpur (182 kes), Negeri Sembilan (145 kes), Sabah (97 kes) dan Pulau Pinang (91 kes). Sejumlah **975 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **10 kematian terbaru**.

Prestasi ekonomi Malaysia terus berdepan cabaran berikutan ketidakpastian yang berterusan di dalam negara.

Sementara itu, berbanding unjuran yang dilaksanakan oleh World Bank, IMF telah menyemak semula angka pertumbuhan ekonomi dunia kepada unjuran yang lebih baik bagi tahun 2021. Keadaan ekonomi global dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

EU: Aktiviti penjualan runcit Jerman turun mendadak pada bulan Disember 2020. Penjualan runcit Jerman menurun mendadak pada bulan Disember kerana sekatan pergerakan yang dilaksanakan untuk mengawal penyebaran COVID-19. Destatis melaporkan jualan runcit turun -9.6% bulan ke bulan pada bulan Disember 2020, berbanding kenaikan 1.1% pada bulan November 2020. Ini adalah kejatuhan pertama dalam tiga bulan dan jauh lebih besar daripada ramalan penganalisis ekonomi pada kadar -2.6%. Pada asas tahunan, pertumbuhan penjualan runcit perlahan kepada 1.5% daripada 5% pada bulan November 2020. Ini adalah peningkatan paling perlahan dalam tempoh lapan bulan. (RTT)

UK: Jumlah gadai janji UK yang diluluskan turun pada bulan Disember 2020. BoE melaporkan, jumlah gadai janji yang diluluskan pada bulan Disember 2020 jatuh kepada 103,400 daripada 105,300 pada bulan November 2020. Walau bagaimanapun, jumlah ini jauh tinggi berbanding 73,400 pada bulan Februari 2020. (RTT)

ASIA: PMI Pembuatan Jepun dilaporkan merosot pada Januari 2021. Tinjauan terbaharu dari Jibun Bank menunjukkan dengan skor PMI Perkhidmatan Jepun pada Januari 2021 turun kepada 49.8 dari 50 pada bulan Disember 2020. Secara perincian, indeks bagi output dan pekerjaan menguncup, sementara pesanan baharu kekal stabil setelah mengalami penurunan dua tahun. Perniagaan tetap optimis terhadap output manakala inflasi kos input bertambah kukuh pada bulan Januari 2021. Sementara itu, India mencatatkan prestasi yang sebaliknya apabila PMI sektor Pembuatan India berkembang pada kadar yang lebih cepat pada bulan Januari 2021. Tinjauan IHS Markit ke atas **PMI Pembuatan India meningkat kepada 57.7 pada Januari 2021 daripada 56.4 pada Disember 2020.** Aliran masuk perniagaan baharu berkembang pada kadar yang lebih cepat pada bulan Januari memacu output untuk meningkat. Pesanan eksport baharu terus meningkat pada bulan Januari dengan kadar pengembangan yang kukuh dan bertambah cepat dari bulan sebelumnya. Pekerjaan menurun pada bulan Januari, walaupun kadar penguncupannya sederhana. Stok pembelian meningkat dengan mendadak pada bulan Januari 2021. Kuantiti pembelian meningkat dan kadar pengembangan adalah yang kedua terkuat dalam tempoh sembilan tahun. (RTT)

EU: Ekonomi EU menyusut semula pada suku keempat 2020 setelah keluar dari kemelesetan pada ST3 2020. KDNK EU turun -0.7% pada ST4 2020 (suku tahun ke suku tahun) berbanding dengan pertumbuhan mendadak 12.4% ST3 2020. Walau bagaimanapun, penurunan ini adalah lebih rendah daripada jangkaan penganalisis ekonomi pada kadar -1%. Perbandingan tahun-ke-tahun pula menunjukkan ekonomi EU menyusut -5.1%, kejatuhan yang lebih tinggi berbanding -4.3% yang dicatatkan pada suku ketiga 2020. Bagi sepanjang tahun 2020, KDNK EU turun -6.8%. (RTT)

UK: Harga rumah menurun dalam tempoh terakhir pengurangan cukai. Harga rumah UK turun untuk pertama kalinya dalam tempoh tujuh bulan pada Januari 2021 walaupun belum berakhirnya tempoh pengurangan cukai belian pada 31 Mac 2021. Harga rumah melonjak pada tahun 2020 apabila Menteri Kewangan UK Rishi Sunak menangguhkan cukai pembelian harta tanah sehingga GBP500k (AS684.4 ribu) dan isirumah mencari kediaman yang lebih besar dan selesa semasa sekatan pergerakan. Sementara itu, **jualan barang runcit UK mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan** apabila naik 12.2% dalam tempoh 12 minggu. Sekatan pergerakan yang diperkenalkan semula untuk membendung penyebaran COVID-19 menyebabkan isirumah memperuntukkan belanjawan lebih banyak ke atas makanan dan minuman. Penyelidik pasaran Kantar melaporkan hasil tinjauan ke atas 12 minggu hingga 24 Januari 2021 menunjukkan peningkatan belian barang runcit mengimbangi pengurangan makan di luar rumah seperti di

afe, restoran dan pub yang terpaksa ditutup akibat sekat pergerakan yang diperkenalkan bagi mengawal penularan COVID-19. (Reuters)

ASIA: Hong Kong (H.K.) mencatatkan penyusutan jualan runcit yang terburuk pada 2020. Jualan runcit H.K. pada Disember 2020 turun -13.2% tahun ke tahun kepada HKD31.4 bilion (AS4.1 bilion), sekaligus mencatatkan penurunan bulanan ke-23 berturut-turut bagi negara hab kewangan Asia tersebut. Untuk keseluruhan tahun 2020, penjualan runcit dianggarkan pada HKD326.5 bilion, iaitu susut -24.3% pada nilai semasa dan -25.5% dari segi volum. Sementara itu, **India mencatatkan defisit dagangan yang lebih kecil, berjumlah AS14.75 bilion pada Januari 2021.** Defisit ini lebih baik berbanding AS15.3 bilion yang dicatatkan pada bulan Disember 2020. Nilai import dan eksport India dilaporkan meningkat dengan kadar pertumbuhan masing-masing pada 5.37% dan 2.0%. Bagi barang import utama import seperti minyak sayuran meningkat 35.32%, emas meningkat 154.7% dan barang elektronik meningkat hampir 17% pada bulan Januari 2021. Thai National Shippers' Council **menjangkakan Eksport Thailand akan meningkat antara 3% hingga 4% pada tahun 2021.** Walau bagaimanapun, menurut badan berkenaan, pengukuhan matawang Baht dibimbangi mempengaruhi prestasi keseluruhan. Eksport yang merupakan pemacu utama pertumbuhan Thailand, berkemungkinan menunjukkan prestasi lebih baik daripada yang diharapkan dengan perkembangan vaksin dan sekiranya pemerintah memberikan lebih banyak sokongan. Dilaporkan eksport tahun lalu cukup memuaskan apabila menurun kurang dari yang dijangkakan iaitu pada 6. (Reuters, Bernama)

Australia: Pada mesyuarat pertama tahun ini, **bank pusat Australia memutuskan untuk memperluaskan program pembelian asetnya (Langkah Pelonggaran Kuantitatif)** dan memberi isyarat bahawa badan yang mengawal selia kewangan Australia berkenaan **tidak akan menaikkan kadar faedah sehingga 2024.** Reserve Bank of Australia memutuskan untuk mengekalkan kadar bunga pada paras terendah 0.10%. Bank pusat tersebut turut mengekalkan sasaran kadar hasil bon kerajaan Australia 3 tahun pada sekitar 0.1% dan juga mengekalkan parameter Term Funding Facility. (RTT)

AS: Indeks Perkhidmatan AS meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh dua tahun pada bulan Januari 2021. Laporan Institute for Supply Management menunjukkan aktiviti sektor perkhidmatan AS yang diukur menggunakan PMI Perkhidmatan meningkat kepada 58.7 pada Januari 2021 daripada 57.7 yang dicatatkan pada Disember 2020. Rekod turut menunjukkan PMI Perkhidmatan mencatatkan tahap tertinggi sejak Februari 2019 (PMI: 58.8). Peningkatan ini didorong oleh peningkatan dalam pesanan baharu apabila Indeks Pesanan Baharu Perkhidmatan melonjak ke 61.8 berbanding 58.6 pada yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Sementara itu, ADP melaporkan **jumlah guna tenaga sektor swasta AS meningkat ketara pada bulan Januari 2021.** Guna tenaga sektor swasta dilaporkan meningkat sebanyak 174,000 pada Januari 2021 setelah turun sebanyak 78,000 pada bulan sebelumnya. Jumlah ini adalah tinggi berbanding 49,000 tambahan guna tenaga yang diramalkan oleh penganalisis ekonomi. Peningkatan yang tinggi dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan (156,000 guna tenaga) terutama dalam

sub-sektor perkhidmatan kesihatan/bantuan sosial, rekreasi/hospitaliti dan perkhidmatan profesional/perniagaan. (RTT)

EU: Inflasi di EU meningkat ke tahap tertinggi sejak wabak COVID-19 melanda benua berkenaan. Peningkatan inflasi ini mengakhiri penurunan harga selama lima bulan berturut-turut dan memacu keraguan pelabur ke atas langkah yang akan diambil ECB bagi merangsang ekonomi benua berkenaan. Eurostat melaporkan Indeks Harga Pengguna EU mencecah ke paras tertinggi 11 bulan pada bulan Januari 2021 (IHP: 0.9%), peningkatan dari -0.3% pada bulan sebelumnya. Sementara itu, hasil survei yang dijalankan oleh IHS Markit menunjukkan **sektor swasta zon Eropah mengalami penguncutan pada Januari 2021.** Indeks Komposit Pengeluaran Swasta susut ke 47.8 pada Januari 2021 berbanding 49.1 yang dicatatkan pada Disember 2020. Penurunan ini disumbangkan oleh kejatuhan dalam sektor Perkhidmatan yang tidak dapat diimbangi oleh peningkatan sektor Permbuatan. Penguncutan ini memberi gambaran bahawa KDNK zon Eropah ST1 2021 berkemungkinan akan mengalami penurunan. (FT, RTT).

UK: Tinjauan yang dijalankan oleh IHS Markit mendapati sektor Perkhidmatan UK turun pada kadar terpantas dalam tempoh lapan bulan pada bulan Januari 2021. Penurunan ini adalah kesan dari sekatan perdagangan dan penutupan perniagaan sementara akibat perintah kawalan pergerakan kali ketiga bagi mengekang gelombang wabak COVID-19 di negara tersebut. PMI Perkhidmatan merosot kepada 41.2 dari 50.4 pada bulan Disember 2020. (RTT)

ASIA: Aktiviti Perkhidmatan China bertumbuh pada kadar lebih perlahan pada Januari 2021. Indeks Pengurus Pembelian Perkhidmatan Caixin / Markit (PMI) susut kepada 52.0 pada bulan Januari 2021 berbanding 56.3 yang dicatatkan pada Disember 2020. Indeks ini merupakan yang terendah dalam tempoh 9 bulan yang lepas. Sementara itu, hasil tinjauan Markit Economics mendapati **sektor swasta Hong Kong (HK) mengalami penurunan lebih perlahan** apabila PMI sektor swasta meningkat kepada 47.8 pada Januari 2021 berbanding 43.5 yang dicatatkan pada Disember 2020. Manakala **tinjauan ke atas India pula mendapati sektor Perkhidmatan negara tersebut meningkat pada januari 2021.** PMI sektor Perkhidmatan negara tersebut meningkat kepada 52.8 berbanding 52.3 yang dicatatkan pada bulan Disember 2020. Peningkatan yang perlahan ini adalah kesan dari penurunan eksport akibat sekatan pergerakan yang berkaitan dengan pandemik COVID-19. (RTT)

AS: Pesanan baharu (*new order*) untuk barang sektor Pembuatan AS meningkat pada Disember 2020. Commerce Department AS, dalam laporannya menyatakan jumlah pesanan baharu sektor itu meningkat pada kadar 1.1% pada Disember 2020 berbanding 1.3% pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding 0.7% jangkaan peningkatan oleh penganalisis ekonomi. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan 1.7% pesanan ke atas barang tidak tahan lama (*non-durable goods*) manakala barang tahan lama (*durable goods*) perlahan pada kadar 0.5%. Laporan turut menyatakan jumlah penghantaran (*shipments*) dan inventori barang sektor

Pembuatan meningkat masing-masing pada 1.7% dan 0.3% pada bulan rujukan (Disember 2020). Sementara itu, **Labor Department AS melaporkan bahawa negara tersebut mencatatkan penurunan produktiviti pada ST4 2020, iaitu kejatuhan yang besar semenjak ST2 1981**. Penurunan ini disumbangkan oleh aktiviti ekonomi yang terkesan akibat gelombang pandemik COVID-19 seperti riadah dan perhotelan. Produktiviti sektor bukan Pertanian (*non-farm*) turun pada kadar tahunan (QoQ SAA) -4.8% berbanding peningkatan 5.1% pada ST3 2020. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, produktiviti ST4 2020 meningkat 2.5%. Bagi keseluruhan tahunan 2020, produktiviti meningkat pada kadar 2.6% berbanding 1.7% pada 2019. Selain itu, Labor Department AS turut **melaporkan, tuntutan faedah pengangguran (*jobless claim*) mingguan AS turun ke paras terendah 2 bulan**. Jumlah tuntutan turun kepada 779,000 tuntutan berbanding 812,000 tuntutan pada minggu sebelumnya. AS mencatatkan penurunan tuntutan ini bagi tiga minggu berturut-turut. (RTT, CNA)

EU: Sektor Pembinaan Jerman terus merosot pada bulan Januari 2021. Indeks Pengurusan Belian (*Purchasing Managing Index*) sektor Pembinaan IHS Markit menunjukkan penurunan kepada 46.6 pada Januari 2021 berbanding 47.1 pada bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh kelembapan berterusan dalam kerja-kerja projek binaan komersial. Sementara itu, tekanan rantaian bekalan terus meningkat, terutama terhadap bahan dan produk binaan. Kegiatan pembinaan komersial mencatatkan kejatuhan, sementara kerja-kerja kejuruteraan awam menurun sedikit. Sebaliknya, kerja pembinaan kediaman meningkat untuk bulan ketujuh berturut-turut. (RTT)

UK: Bank of England (BoE) menggesa kepada sektor perbankan untuk siap siaga ke atas kebarangkalian penetapan kadar faedah negatif, walaupun pembuat dasar menolak untuk memberikan petunjuk mengenai senario seperti ini dalam waktu dekat. Pada mesyuarat dasar yang lepas, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) sebulat suara memilih untuk mengekalkan kadar faedah pada 0.10% dan pelonggaran kuantitatif pada GBP895 bilion. MPC menyatakan bahawa pembuat dasar tidak ingin mengirim isyarat bahawa jawatankuasa berhasrat untuk menetapkan kadar faedah negatif. Namun, mereka menyimpulkan bahawa adalah wajar untuk memulakan persiapan untuk menyediakan kemampuan untuk melakukannya jika perlu di masa depan. **Sementara itu, IHS Markit melaporkan bahawa sektor Pembinaan UK merosot pada Januari 2021 untuk pertama kalinya dalam lapan bulan berikutan kelemahan aktiviti pembinaan komersial dan kediaman.** Indeks pengurus belian CIPS UK Construction, IHS Markit menurun kepada 49.2 pada Januari 2021 dari 54.6 pada bulan Disember 2020. Penurunan ini adalah yang pertama sejak Mei tahun lalu. Pertumbuhan pesanan baharu (*new order*) adalah yang paling lemah sejak Jun tahun lalu kerana pelanggan teragak-agak untuk membuat pesanan, terutamanya untuk projek komersial, akibat sekatan pergerakan ketiga dan keimbangan mengenai prospek ekonomi jangka pendek. (RTT)

Australia: Australia Bureau of Statistics (ABS) melaporkan bahawa negara tersebut mencatatkan lebihan perdagangan barang sebanyak AUD6.785

bilion pada bulan Disember 2020. Jumlah eksport mencatatkan peningkatan 3.0% bulan ke bulan kepada AUD37.268 bilion, manakala Import merosot -2.0% bulan ke bulan kepada AUD30.483 bilion. (RTT)

AS: Defisit perdagangan AS melonjak ke paras tertinggi 12 tahun pada 2020. Commerce Department AS melaporkan bahawa defisit perdagangan AS bagi tahun 2020 melonjak 17.7% menjadi USD678.7 bilion, iaitu yang tertinggi sejak tahun 2008. Laporan turut menunjukkan Eksport barang dan perkhidmatan jatuh -15.7% ke tahap terendah sejak 2010. **Sementara itu, statistik guna ternaga terkini menunjukkan pemulihan yang sederhana pada Januari 2021.** Labor Department AS melaporkan *payroll* sektor bukan pertanian (*non-farm*) meningkat 49,000 pada Januari 2021 berbanding kejatuhan 227,000 pada Disember 2020. (Reuters, RTT)

EU: Pesanan sektor Pembuatan (*Industrial Order*) Jerman jatuh lebih besar daripada yang dijangkakan pada bulan Disember 2020. Penurunan pesanan produk pembuatan Jerman adalah kesan daripada sekatan pergerakan yang menurunkan permintaan dari negara-negara zon Eropah yang lain. Pejabat Statistik Persekutuan Jerman, DESTATIS, melaporkan pesanan untuk barang industri turun sebanyak 1.9% bulan ke bulan berbanding unjuran penurunan -0.1% oleh Reuters. **Sementara itu, gaji-upah guna tenaga Perancis mengalami penurunan yang kecil pada ST4 2020 walaupun negara tersebut di dalam sekatan pergerakan yang ketat kali kedua akibat krisis kesihatan COVID-19.** Pejabat Statistik, INSEE, melaporkan gaji-upah guna tenaga sektor swasta turun -0.2%. Bagi sepanjang tahun 2020, gaji-upah guna tenaga turun -1.8% setelah mengalami peningkatan 5 tahun berturut-turut. (Reuters)

UK: Harga kediaman UK jatuh untuk pertama kalinya sejak Mei 2020. Kajian dari Halifax menunjukkan harga rumah turun -0.3% pada bulan Januari setelah kekal stabil pada bulan Disember 2020. (Reuters)

ASIA: Rizab matawang China jatuh sedikit pada bulan Januari 2021 kesan daripada peningkatan nilai dolar AS. Rizab kadar pertukaran matawang negara tersebut turun kepada AS3.211 trilion berbanding AS3.217 trilion pada bulan Disember 2020. **Selain itu, Jabatan Statistik China mengingatkan bahawa akan berlaku optimistik terhadap prospek ekonomi ST1 2021 yang berlebihan kesan daripada pertumbuhan yang lemah pada tahun lepas yang dipengaruhi oleh krisis kesihatan COVID-19.** Secara keseluruhan, ekonomi China dijangka bertumbuh 8.4% pada tahun ini dengan jangkaan pertumbuhan dua digit pada ST1 2021. **Sementara itu, bank pusat India mengekalkan kadar faedah negara tersebut tidak berubah seperti yang dijangkakan.** Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan kadar faedah (*policy repo rate*) pada 4.00% manakala kadar faedah balikan (*reverse policy repo rate*) kekal pada 3.55%. Di samping itu, laporan dari Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia melaporkan KDNK negara tersebut turun -2.19% tahun ke tahun pada ST4 2020. (Reuters, RTT)

Global: Pemulihan perdagangan dijangka kembali terganggu pada ST1 2021. UN dalam laporan menyatakan bahawa pemulihan dalam perdagangan

global dijangka kembali perlahan pada ST1 2021 akibat penularan wabak COVID-19 yang terus mengganggu industri pelancongan setelah perdagangan dunia menguncup -9% pada tahun 2020. Penutupan (*lockdown*) pada separuh pertama 2020 menyebabkan perdagangan menyusut -15% dan perdagangan kembali memulih pada separuh kedua 2020. Perdagangan barang global dilaporkan meningkat sekitar 8% pada ST4 2020 berbanding ST3 2020 dengan sebahagian besar disokong oleh negara-negara sedang membangun (*developing countries*), terutama dari Asia Timur (ST4 2020=12%YoY). (Reuters)

AS: Inventori borong meningkat lebih banyak daripada yang dijangkakan pada bulan Disember. Inventori borong di AS meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Disember. Commerce Department AS, menyatakan inventori borong meningkat 0.3% pada bulan Disember setelah hampir tidak berubah pada bulan November. Kenaikan inventori borong yang lebih besar daripada yang dijangkakan disokong oleh inventori barang tidak tahan lama (*non-durable goods*) naik 0.6%, sementara inventori barang tahan lama (*durable goods*) meningkat sebanyak 0.1%. **Sementara itu, dalam laporan yang berasingan, Indeks Harga Pengguna AS meningkat 0.3% pada Januari 2021** di tengah kenaikan harga gas yang berterusan. Labor Department AS menyatakan peningkatan ini sedikit lebih tinggi berbanding 0.2% yang dicatatkan pada bulan Disember. (RTT)

EU: Pengeluaran Perindustrian Perancis jatuh untuk bulan kedua. Indeks Pengeluaran Industri (IPI) Perancis merosot untuk bulan kedua berturut-turut pada bulan Disember 2020. Pejabat Statistik Negara Perancis INSEE melaporkan IPI merosot -0.8% bulan ke bulan pada bulan Disember 2020, lebih perlahan daripada penurunan -0.7% pada bulan November 2020. Output pembuatan turun -1.7% berbanding dengan kenaikan 0.7% pada bulan sebelumnya. Ini adalah penurunan pertama output pembuatan sejak April 2020, ketika output menjunam -22.5%. (RTT)

China: Inflasi berubah menjadi negatif, PPI meningkat untuk pertama kalinya dalam setahun. Inflasi harga pengguna China kembali negatif pada awal tahun kerana faktor musim, sementara harga pengeluar naik untuk pertama kalinya dalam setahun dengan difaktorkan oleh kos bahan mentah yang lebih tinggi. National Bureau Statistics China melaporkan harga pengguna turun -0.3% tahun ke tahun pada bulan Januari berbanding kenaikan 0.2% pada bulan Disember. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan **pertumbuhan ekonomi global meningkat sebanyak 5.5% pada tahun 2021** yang disokong oleh dasar tambahan dan pakej rangsangan ekonomi di samping penggunaan vaksin yang mula dilaksanakan di beberapa negara rantaui. IMF dan World Bank mengunjurkan **pertumbuhan ekonomi Malaysia masing-masing sebanyak 7% dan 6.7% pada tahun 2021**.
2. **KDNK Malaysia pada tahun 2020 menyusut sebanyak 5.6% dan merosot 3.4% pada suku keempat 2020.** Prestasi ekonomi yang lemah adalah disebabkan oleh kesemua sektor ekonomi yang merekodkan pertumbuhan yang negatif, kecuali sektor pembuatan.
3. **Empat pakej rangsangan ekonomi** yang diumumkan oleh Kerajaan yang keseluruhannya berjumlah RM305 bilion atau 20% daripada KDNK Negara dianggarkan telah **menyumbang sebanyak 4% kepada pertumbuhan ekonomi** pada tahun 2020.
4. Kerajaan menyasarkan **purata kadar penginapan (AOR) pada tahun 2021 iaitu 27.8%** adalah lebih tinggi berbanding tahun 2020 iaitu pada kadar 25.4%. Unjuran ini walau bagaimanapun tidak mengambil kira pelaksanaan PKP 2.0.
5. **Ekonomi dijangka kembali pulih pada tahun 2021** dan berkembang sekitar 5.2% hingga 5.9%. Jangkaan ini **disokong oleh pakej rangsangan ekonomi, perdagangan dan pemberian vaksin** yang dijangka dapat membendung penularan wabak COVID19.
6. **Perbadanan Nasional Bhd (PNS)** menyasarkan untuk **mewujudkan 18,000 peluang pekerjaan** dan menyumbang sehingga RM4.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di bawah strategi lima tahun. Antara strategi adalah melalui **mengembangkan portfolio francaisnya** sehingga 400 peratus kepada RM700 juta berbanding RM178 juta melalui **Program 'Business-In-Transformation (BIT)'**.
7. **Gas Malaysia Bhd (Gas Malaysia)** melanjutkan **pengecualian caj gas asli** untuk hospital kerajaan, kuarters kakitangan kerajaan terpilih dan perumahan awam dalam persekitaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan. Pengecualian diskaun sebanyak 100 peratus dari Januari hingga bulan Mac kepada pelanggan terpilih bertujuan membantu meringankan beban pelanggan membayar caj gas bulanan.
8. Kerajaan mensasarkan **pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik** menjelang tahun 2030. Melalui pendekatan 'pro-

business environment' pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu melalui penglibatan sektor swasta. Antaranya seperti projek rumpai laut, iCAGE bagi projek intergrasi sangkar dan intergrasi kolam yang kebanyakannya melibatkan udang marin.

9. **Pelaburan di Iskandar Malaysia pada tahun 2020 berkurang** kepada RM17 bilion, lebih rendah berbanding purata RM30 bilion setahun sejak Iskandar Malaysia diwujudkan. Bagi tahun 2021, pihak IRDA meramalkan bahawa **jumlah pelaburan di Iskandar Malaysia berada dalam sekitar RM15 bilion hingga RM17 bilion pada tahun 2021** susulan daripada pandemik COVID-19 di Malaysia pada masa ini.
10. **Inix Technologies Holdings Bhd** bakal menerima pesanan dari pelanggan Hong Kong sekurang-kurangnya 240 juta kotak **sarung tangan perubatan nitril tulen** untuk dua tahun akan datang.
11. **Industri minyak kelapa sawit Malaysia** telah menjana sekitar **RM72.8 bilion** melalui **eksport minyak sawit** dan produknya ke pasaran antarabangsa pada tahun 2020. Jumlah ini jauh **lebih tinggi** (kira-kira 14.18 peratus lebih tinggi) **berbanding dengan RM63.73 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019**, dan yang tertinggi sejak 2017 (RM77.9 bilion).
12. **Komputer riba**, terutama yang berharga RM2,000 ke bawah, **habis dijual berikutan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)** kerana permintaan tinggi daripada ibu bapa.
13. Lebih banyak **kedai runcit dibenarkan beroperasi** dan pengguna di berikan kebenaran untuk **makan dalam restoran** bermula pada 10 Februari 2021. Manakala **kedai gunting rambut** telah dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP bermula 5 Februari 2021.
14. **Bantuan dana** yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia menggalakkan **Peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** untuk memulakan perniagaan dalam talian.
15. Kenaikan dalam kelengkapan pengangkutan telah didorong oleh jumlah keseluruhan **industri sektor automotif** Malaysia yang **meningkat 25.5 peratus** pada Disember 2020.
16. **India mengimport lebih daripada 500 ribu tan metrik minyak sawit** dari Malaysia pada bulan Januari daripada keseluruhan import minyak sawitnya sekitar 1.07 juta tan metrik.

17. **Eksport dari enam negara Asia Tenggara turun 2.2 peratus pada tahun 2020 dari tahun sebelumnya** menjadi gabungan US \$ 1.35 trillion, penurunan yang agak marginal walaupun COVID-19. Hanya Vietnam yang mencatatkan peningkatan eksport untuk tahun ini, naik 7 peratus menjadi US \$ 282.66 bilion, dengan penurunan 5.2 peratus ke Jepun lebih dari yang diimbangi oleh kenaikan 25.7 peratus ke Amerika Syarikat dan 18 peratus pengembangan ke China.
18. **Kenaikan harga besi** sebanyak **48 peratus** akan mengakibatkan kontraktor mengalami kerugian.
19. **Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR)** meminta kerajaan **mengkaji semula kenaikan harga petrol** yang dilihat membebankan dan mencari insiatif untuk membantu penunggang perkhidmatan penghantaran barang dan makanan. Kenaikan harga minyak ini menambahkan lagi kesan negatif terhadap pendapatan penunggang P-Hailing yang tidak menentu, selain kadar upah bayaran yang tidak berbaloi, serta lambakan 'riders' yang sedia ada. Perkhidmatan penunggang P-Hailing turut membantu kerajaan dalam usaha merancakkan ekonomi negara walaupun Malaysia berdepan situasi mencabar akibat penularan pandemik COVID-19.
20. **Faktor cuaca** dan **pelaksanaan PKP** turut menjadi punca kepada **kenaikan sayur-sayuran**. Kebanyakan sayur yang mengalami kenaikan harga dalam tempoh PKP adalah dari jenis berdaun yang naik antara RM1 hingga RM2 sekilogram.
21. **Harga komputer riba dan gajet naik sehingga 70 peratus** di sesetengah negeri. Perkara ini adalah disebabkan oleh ketiadaan stok di sesetengah kedai dan membuatkan peniaga menaikkan harga komputer riba dan gajet tersebut.
22. **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** akan memperkenalkan saluran khusus TV Pendidikan yang dikenali sebagai **DidikTV KPM** mulai **17 Februari** ini.

| A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | | |
|--|---|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Star 2 Feb 2021 (Essential) | <p>Essential, critical sectors major contributor to economy during MCO 2.0</p> <p>Key sectors such as commodities, mining and agriculture are allowed to operate nearly at full capacity as they are capital intensive and require less physical worker interaction.</p> <p>The impact to Malaysia's GDP on the daily basis is around RM700 million compared to about RM2.4 billion per day previously (during MCO 1.0).</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/02/essential-critical-sectors-major-contributor-to-economy-during-mco-20 |
| 2. | Bernama 2 Feb 2021 (Non-essential) | <p>Unjuran AOR tahun ini 27.8 peratus – MOTAC</p> <p>Unjuran Purata Kadar Penginapan (AOR) pada tahun ini adalah 27.8 peratus manakala pada tahun lepas pada 25.4 peratus.</p> | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1927926 |
| 3. | The Star 3 Feb 2021 (Essential) | <p>Downside risks remain but economic growth intact, TA Securities says</p> <p>GDP forecast maintained at 6.4% as the government allowed five economic sectors to operate during this period.</p> <p>The impact of MCO 2.0 on the overall economy would mainly be from the weaker consumer spending and its spillover effects on the services industry.</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/03/downside-risks-remain-but-economic-growth-intact-ta-securities-says |
| 4. | The Edge Market 4 Feb 2021 (Essential) | <p>SERC lowers Malaysia's GDP forecast to 4% for 2021 amid reimposition of MCO</p> <p>It is the lowest compared to the market consensus. IMF is</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/serc-lowers-malaysias-gdp-forecast-4-2021- |

| | | | |
|----|--|--|---|
| | | <p>projecting Malaysia's economy to rebound by 7% in 2021, while the World Bank is forecasting Malaysia's economy to grow by 6.7% in 2021 after contracting by 5.8% in 2020.</p> <p>Exports are projected to recover gradually by 3.3%, versus an estimate of -1.4% contraction in 2020.</p> | <u>amid-reimposition-mco</u> |
| 5. | Bernama 4 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>APEC ramal pertumbuhan ekonomi 5.7 peratus tahun ini</p> <p>Ekonomi rantau Asia Pasifik dijangka berkembang 5.7% pada tahun ini dan 4.1% menjelang 2022 tetapi pertumbuhan tersebut dijangka bersifat tidak sekata.</p> <p>Penguncutan ekonomi serantau yang lebih rendah sebanyak 2% pada 2020, lebih baik daripada ramalan penurunan 2.5% yang dibuat pada November tahun lepas.</p> <p>Beberapa langkah rangsangan, termasuk sokongan kecairan dan moratorium pinjaman yang diperluaskan kepada perniagaan seperti pemberian tunai dan subsidi meluas kepada isi rumah dilaksanakan bagi mengurangkan kelembapan ekonomi.</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1928419 |
| 6. | Berita Harian 5 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>BNM sedia bantuan bersasar tambahan RM2 bilion</p> <p>Peruntukan tambahan bagi Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) berjumlah RM2 bilion serta penubuhan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) sebanyak RM200 juta disediakan BNM kepada PKS.</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/783201/bnm-sedia-bantuan-bersasar-tambahan-rm2-bilion |

| | | | |
|----|--|---|---|
| 7. | Bernama 6 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Maybank IB jangka ekonomi Malaysia berkembang 5.1 peratus pada 2021</p> <p>Pada Disember 2020, pembuatan, teknologi, kewangan menyertai penjagaan kesihatan dalam proses pemulihan, manakala perkhidmatan berkaitan pelancongan terus ketinggalan.</p> <p>Ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 5.1 peratus tahun ini berbanding penguncutan 5.4 peratus tahun lepas.</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1929150 |
| 8. | Berita Harian 7 Feb 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Situasi menang-menang untuk perhotelan</p> <p>PKP fasa pertama dan kedua mengakibatkan perniagaan hotel terkesan teruk kerana tidak dapat beroperasi.</p> <p>Lebih 10,000 pekerja diberi cuti tanpa gaji, diberhentikan dan berhenti secara sukarela susulan pelaksanaan PKP.</p> | https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/02/783946/situasi-menang-menang-untuk-perhotelan |
| 9. | The Star 11 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Bank Negara: 4Q GDP contracted 3.4% mainly due to CMCO</p> <p>Malaysian economy contracted by 3.4% in the fourth quarter compared with a contraction of 2.6% in the third quarter mainly due to the restrictions imposed to curb the spread of the Covid-19 pandemic.</p> <p>For 2020 as a whole, the economy contracted by 5.6%. 4Q contraction was due to the decline in all economic sectors except for the manufacturing sector which grew in this quarter.</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/11/bank-negara-4q-gdp-contracted-34-mainly-due-to-cmco |

| | | | |
|-----|--|--|---|
| | | Bank Negara was upbeat on the prospects for 2021 and it expects it to recover supported by better external demand and the 2021 Budget measures. | |
| 10. | Bernama 11 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>MIDF semak KDNK 2021 Malaysia kepada 5.4 peratus susulan PKP pada suku pertama</p> <p>Unjuran pertumbuhan KDNK 2021 Malaysia disemak semula kepada 5.4% daripada unjura awal iaitu 7.0%, sejajar dengan penyambungan semula aktiviti ekonomi domestik dan global selain faktor asas yang rendah tahun lepas.</p> <p>Prestasi ekonomi pada suku pertama 2021 mungkin terjejas susulan PKP2.0 dan sekatan yang dikenakan semula di negara-negara utama.</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1930957 |
| 11. | The Star 12 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Government focused on economic recovery efforts</p> <p>Government's four economic stimulus packages amounting to RM305bil or 20% of gross domestic product (GDP) are estimated to have contributed four percentage points to last year's economic growth.</p> <p>GDP performance in 2020 fared better than the projections by international organisations such as the International Monetary Fund (-5.8%), the World Bank (-5.8%) and the Asian Development Bank (-6%).</p> <p>The systematic and effective implementation of the national Covid-19 immunisation programme will encourage the re-opening of various economic sectors, restore consumer</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/02/12/government-focused-on-economic-recovery-efforts |

| | | | |
|-----|---|---|---|
| | | <p>sentiment as well as boost Malaysia's economic growth and resilience.</p> | |
| 12. | The Edge Market 15 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>2021 economic growth hinges on vaccine roll-out and virus containment — AmBank Research</p> <p>Looking into 2021, the economy should recover, supported by improving global gross domestic product (GDP) and trade, stimulus measures, the Covid-19 pandemic's containment and deployment of vaccines that will boost both consumer and business sentiments.</p> <p>Overall investments are expected to improve and so are the major economic sectors. Thus, capital expenditure expansion will take place in 2021.</p> <p>GDP is likely to hover around 5.2%-5.9% in 2021.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/2021-economic-growth-hinges-vaccine-rollout-virus-containment-ambank-research |

Penemuan penting & isu:

1. Sektor-sektor utama seperti komoditi, perlombongan dan pertanian telah dibenarkan beroperasi kerana lebih berintensifkan modal serta kurang memerlukan interaksi fizikal pekerja. Selain itu, lebih daripada 70 peratus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia telah mengalami kerugian pada 2020.
2. IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global meningkat sebanyak 5.5% pada tahun 2021 yang disokong oleh dasar tambahan dan pakej rangsangan ekonomi di samping penggunaan vaksin yang mula dilaksanakan di beberapa negara rantau. IMF dan World Bank mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia masing-masing sebanyak 7% dan 6.7% pada tahun 2021. Maybank IB mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2021 yang disokong oleh pemulihan dalam beberapa sektor seperti pembuatan, penjagaan kesihatan, teknologi dan kewangan.

3. Kerajaan menyasarkan purata kadar penginapan (AOR) pada tahun 2021 iaitu 27.8% adalah lebih tinggi berbanding tahun 2020 iaitu pada kadar 25.4%. Unjuran ini walau bagaimanapun tidak mengambil kira pelaksanaan PKP2.0. Sehingga kini, sebanyak 33% daripada 2,300 hotel bajet seluruh negara ditutup sementara dan terdapat sebilangan yang sudah ditutup sepenuhnya. Lebih 10,000 orang pekerja diberi cuti tanpa gaji, diberhentikan dan berhenti secara sukarela susulan pelaksanaan PKP.
4. KDNK Malaysia pada tahun 2020 menyusut sebanyak 5.6% dan merosot 3.4% pada ST4 2020. Prestasi ekonomi yang lemah adalah disebabkan oleh kesemua sektor ekonomi yang merekodkan pertumbuhan yang negatif, kecuali sektor pembuatan. Sektor pembuatan meningkat sebanyak 3% yang didorong oleh industri berorientasikan eksport yang merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.4% dan selari dengan prestasi eksport negara yang meningkat sebanyak 5.1% dalam tempoh yang sama.
5. Pada tahun 2021, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 5.4% sejajar dengan penyambungan semula aktiviti ekonomi domestik dan global. Ekonomi dijangka mencapai normalisasi secara beransur-ansur. Pemulihan pasaran buruh juga dijangka menghadapikekangan berikut sejumlah perniagaan menangguhkan pengambilan pekerja dan akan menjaskankan prospek pendapatan.
6. Empat pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan yang keseluruhannya berjumlah RM305 bilion atau 20% daripada KDNK Negara dianggarkan telah menyumbang sebanyak 4% kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020. Walaupun merekodkan pertumbuhan yang rendah, prestasi ini adalah lebih baik daripada jangkaan yang dikeluarkan oleh beberapa badan antarabangsa seperti IMF (-5.8%), World Bank (-5.8%) dan Asian Development Bank (-6%).
7. Ekonomi dijangka kembali pulih pada tahun 2021 dan berkembang sekitar 5.2% hingga 5.9%. Jangkaan ini disokong oleh pakej rangsangan ekonomi, perdagangan dan pemberian vaksin yang dijangka dapat membendung penularan wabak COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Merujuk kepada World Economic Outlook, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia sebanyak 7.0% pada tahun 2021 iaitu selari dengan pertumbuhan yang diunjurkan oleh MOF iaitu antara 6.5% hingga 7.5%. Pertumbuhan yang positif dijangka akan terus disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan di mana kedua-dua sektor ini menyumbang utama kepada KDNK negara. Pada ST3 2020, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 57.0% kepada KDNK negara manakala sektor

pembuatan adalah dibanyak 23.5%. Selain itu, beberapa pakej rangsangan yang diumumkan Kerajaan adalah untuk mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi pandemik Covid19 terutamanya golongan B40 dan M40 termasuk sektor industri khususnya PKS. Pada tahun 2019, PKS menyumbang sebanyak 38.9% kepada ekonomi negara.

2. Unjuran AOR yang rendah pada tahun 2020 dan 2021 adalah kesan daripada pandemik COVID19 yang melanda negara di mana pintu sempadan negara telah ditutup dan larangan perjalanan rentas negeri serta daerah dilaksanakan. Kebanyakan pengusaha perhotelan mula beralih kepada pemasaran produk berdasarkan makanan dan minuman bagi terus memastikan aliran tunai yang berterusan. Pada tahun 2019, industri pelancongan menyumbang sebanyak 15.9% kepada ekonomi negara dengan perdagangan dan runcit adalah komponen terbesar iaitu sebanyak 46.2% diikuti oleh makanan & minuman (18.0%) dan perkhidmatan khusus pelancongan negara (12.3%).
3. Seperti yang dijangkakan, kemerosotan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 adalah berikutan pandemik COVID19 yang melanda negara. Walau bagaimanapun, prestasi ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan unjuran daripada beberapa badan antarabangsa seperti IMF (-5.8%) dan World Bank (-5.8%). Kerajaan terpaksa menutup beberapa sektor utama semasa pelaksanaan PKP1.0 dan menyebabkan KDNK menyusut sebanyak 17.1% pada ST2 2020 dan seterusnya kembali pulih tetapi masih mencatatkan pertumbuhan yang rendah iaitu -2.7% pada ST3 2020. Pada ST4, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang rendah iaitu sebanyak -3.4%. Kesemua sektor utama kecuali sektor pembuatan merekodkan pertumbuhan yang negatif. Kerajaan menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang antara 6.5% hingga 7.5% yang disokong oleh beberapa pakej rangsangan ekonomi dan pembukaan beberapa sektor utama walaupun semasa pelaksanaan PKP2.0.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit | | | |
| 1. | The Edge 9.2.2021 <i>(Essential)</i> | More retail shops allowed to operated, dine ins at restaurents to begin tomorrow The National Security Council (MKN) has agreed to allow more retail shops to operate and for | https://www.theedgemarkets.com/article/restaurant-customers-can-dinein-limited-two-persons-table-and-full-compliance-sop-%E2%80%94-ismail |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | <p>dine-ins to be allowed at restaurants from tomorrow.</p> <p>The decision was made to ensure the sustainability of retail businesses such as clothing and accessories, car accessories, handicrafts, children's toys, and sports equipment.</p> | |
| 2. | News Straits 9.2.2021 | <p>Extended MCO weighs on labour market, stimulus initiatives to help keep jobs</p> <p>The extension of Movement Control Order (MCO) 2.0 will continue to weigh on labour market conditions in the near term, especially if the number of Covid-19 cases remain elevated.</p> <p>The reinstatement of MCO 2.0 in January, based on Social Security Organisation's (SOCSO) statistics, loss of employment (LOE) or retrenchment data in January had risen to 8,330 from 6,810 in December.</p> | https://www.nst.com.my/business/2021/02/664371/extended-mco-weighs-labour-market-stimulus-initiatives-help-keep-jobs |
| 3. | News Straits 9.2.2021 <i>(Non Essential)</i> | <p>Regulation of RM2.27 billion vape industry will benefit local SMEs</p> <p>Malaysia's vape entrepreneurs have always supported and welcomed regulation and the introduction of product safety standards in order to grow the RM2.27 billion industry.</p> <p>The recently released report entitled Study on the Malaysian Vaping Industry by the Malaysian Vape Chamber of Commerce</p> | https://www.nst.com.my/business/2021/02/664342/regulation-rm227-billion-vape-industry-will-benefit-local-smes |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | (MVCC) indicated that the potential is vast for small and medium enterprises (SME) players if the vape industry is regulated. | |
| 4. | Malaysian Gazette 9.2.2021 <i>(Non Essential)</i> | MIDA perjelas Tindakan rasionalisasi perniagaan Hyundai, syarikat solar Permintaan kereta Hyundai yang sangat rendah di Malaysia merupakan faktor penyumbang besar kepada keputusan penempatan semula syarikat tersebut ke Indonesia. | https://malaysiagazette.com/2021/02/09/mida-perjelas-tindakan-rasionalisasi-perniagaan-hyundai-syarikat-solar/ |
| 5. | Malaysian Gazette 9.2.2021 <i>(Essential)</i> | Harga minyak naik ke paras tertinggi 13 bulan Harga minyak naik pada hari Selasa ke paras tertinggi dalam 13 bulan susulan pengurangan bekalan oleh pengeluar utama dan optimisme terhadap pemulihan permintaan bahan bakar menyokong pasaran tenaga. | https://malaysiagazette.com/2021/02/09/harga-minyak-naik-ke-paras-tertinggi-13-bulan/ |
| 6. | The Malaysian Reserve 10.2.2021 <i>(Essential)</i> | Reopening of various businesses is the 1st step for biz recovery The reopening of various businesses may help smaller entrepreneurs to recover their cash flow and growth. The move would be helpful for smaller businesses owned by locals who have been heavily impacted by the movement restrictions. | https://themalaysianreserve.com/2021/02/10/reopening-of-various-businesses-is-the-1st-step-for-biz-recovery/ |

| | | | |
|----|---|---|---|
| 7. | News Straits Times 10.2.2021 <i>(Essential)</i> | Aeon launches SAMBADO to aid local SMEs <p>Aeon Co (M) Bhd has today launched SAMBADO Challenge, an initiative to help small and medium enterprise (SMEs) traders and those affected by the Covid-19 outbreak through its cloud kitchen concept.</p> <p>The group has come up with the campaign aimed at offering support to SME as well as creating an opportunity for the public to give donations by taking part in the campaign.</p> | https://www.nst.com.my/business/2021/02/664735/aeon-launches-sambado-aid-local-smes |
| 8. | The Malaysian Reserve 10.2.2021 <i>(Non Essential)</i> | BAT continues to be affected by black market <p>Cigarettes and vapes continue to affect the top and bottom lines of tobacco companies, such as British American Tobacco (M) Bhd (BAT) which saw volume in its 2020 fiscal year declined by 8%.</p> <p>According to an exchange filing yesterday, the group's net profit in the fourth quarter ended Dec 31, 2020 (4Q20), dropped by 25.6% year-on-year to RM72.7 million from RM97.7 million last year.</p> | https://themalaysianreserve.com/2021/02/11/bat-continues-to-be-affected-by-black-market/ |
| 9. | Utusan Malaysia 12.2.2021 <i>(Non Essential)</i> | Kerajaan rangka pelan ‘campur tangan’ selesai isu harga dedak <p>Kenaikan harga dedak di pasaran dipengaruhi oleh lonjakan harga komoditi dan bahan mentah utama yang diimport, terutama jagung bijian dari Argentina dan Brazil. Perniagaan di seluruh</p> | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/02/kerajaan-rangka-pelan-campur-tangan-selesai-isu-harga-dedak/ |

| | | | |
|-----|---|--|---|
| | | Negara mendesak supaya kerajaan segera mengambil tindakan bagi mengawal harga dedak yang naik melampau kebelakangan ini sehingga 30 peratus berbanding harga asal. | |
| 10. | Utusan Malaysia 14.2.2021 <i>(Essential)</i> | Ambil Peluang Mulakan Perniagaan Dalam Talian Menteri Kewangan dan Kerajaan telah bantu beri dana untuk peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengambil peluang dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan memulakan perniagaan dalam talian bagi mengembangkan pasaran mereka. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/ambil-peluang-mulakan-perniagaan-dalam-talian-tengku-zafrul/ |
| 11. | The Edge 14.2.2021 <i>(Non Essential)</i> | Floral Industry Slightly Affected By MCO The flower industry was among the sectors not allowed to operate during the previous Movement Control Order (MCO) and many industry players were affected by the restrictions including flower shops subject to strict standard. | https://www.theedgemarkets.com/article/floral-industry-slightly-affected-mco |
| | | <p>Inisiatif yang dikenali sebagai "Petaling Street Goes Ong-Line" akan menyaksikan peniaga yang terlibat dipromosikan menerusi inisiatif "Buy Malaysia" di Shopee, seterusnya membolehkan produk mereka dipasarkan dan dijual ke seluruh negara.</p> <p>Peniaga-peniaga di Petaling Street mengalami kerugian hingga 95 peratus disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang sedang dilaksanakan di negara ini akibat pengumuman kes harian positif Covid-19 yang masih tinggi. Lebih daripada 1,500 barang akan ditawarkan dalam koleksi khas "Petaling Street Goes Ong-Line" di Shopee yang bermula dari serendah 88 sen.</p> | |
| 4. | Bernama 3 Februari 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Gas Malaysia lanjutkan pengecualian caj bagi pelanggan terpilih sehingga Mac</p> <p>Gas Malaysia Bhd (Gas Malaysia) melanjutkan pengecualian caj gas asli untuk hospital kerajaan, kuarters kakitangan kerajaan terpilih dan perumahan awam dalam persekitaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan.</p> <p>Pengecualian dilanjutkan tiga bulan dari Januari hingga Mac, 2021 untuk membantu meringankan beban pelanggan membayar caj gas bulanan.</p> <p>Gas Malaysia berkata bil gas yang dikeluarkan kepada pelanggan terpilih itu akan diberi diskaun 100 peratus hingga bulan Mac.</p> | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1928237 |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | | |
| 5. | Bernama 4 Feb 2021 (Non essential) | <p>Sektor pembinaan dijangka kembali rancak pada separuh kedua 2021</p> <p>Projek prasarana bernilai RM130 bilion yang dijangka dimulakan pada separuh kedua tahun ini termasuk Transit Aliran Massa Lembah Klang 3, Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Transit Aliran Ringan Kuching dan penambakan laut di selatan Pulau Pinang.</p> <p>Laporan media yang positif mengenai projek yang sedang dilaksanakan itu akan membantu dari segi prestasi saham syarikat-syarikat pembinaan.</p> <p>Walaupun jumlah tempahan baharu bagi syarikat-syarikat pembinaan ini akan tertangguh berikutan kelewatian anugerah kontrak dan penyusutan sektor hartanah, kebanyakan syarikat masih mempunyai nilai perolehan pembinaan yang dua kali lebih tinggi dan dapat membantu dari segi mengekalkan pendapatan untuk tahun ini.</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1928432 |
| 6. | Berita Harian 7 Februari 2021 (Essential) | <p>Harga cili padi merah melambung RM29kg</p> <p>Harga pasaran cili padi merah sejak bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 13 Januari lalu mencatatkan peningkatan ketara mencecah hampir RM30 sekilogram (kg).</p> <p>Sebelum ini cili padi merah boleh dibeli pada harga RM8kg, namun harganya kini antara RM25 ke atas.</p> | https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2021/02/783939/harga-cili-padi-merah-melambung-rm29kg |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | | |
| 7. | Bernama 7 Feb 2021 (Essential) | <p>Lanjutan PKP boleh bantu lindungi industri, kata Persatuan Komponen Auto</p> <p>Pengumuman Perodua untuk membeli komponen tempatan bernilai RM6.5 bilion pada 2021 – lebih RM500 juta daripada RM6 bilion yang diperuntukkan pada 2020 – telah memberikan harapan bahawa 2021 akan menjadi tahun pemulihan bagi industri.</p> <p>Sasaran jualan keseluruhan industri sebanyak 570,000 oleh Persatuan Automotif Malaysia bagi tahun ini juga merupakan satu lagi petunjuk positif bahawa industri dan ekonomi sedang menuju ke arah hala tuju yang betul.</p> <p>Komitmen Perodua terhadap ekosistem automotif akan dapat memastikan pembekal terus bertahan terutamanya vendor tempatan ketika mendepani pandemik ini. Persatuan Pembekal Perodua (P2SA) dan Perodua akan bekerjasama untuk mewujudkan SOP bagi keseluruhan ekosistem automotif.</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1929299 |
| 8. | Astro Awani 12 Februari 2021 (Essential) | <p>Malaysia terus jadi hab penting operasi global Intel</p> <p>Pandemik COVID-19 mengubah normal baru kehidupan seharian setiap rakyat di seluruh dunia.</p> <p>Operasi syarikat Intel di Malaysia merupakan yang terbesar di rantau ini, dari segi pembuatan, reka bentuk, jualan, pemasaran serta Pusat</p> | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/malaysia-terus-jadi-hab-penting-operasi-global-intel-282678 |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | <p>Servis Perkhidmatan Perkongsian Global.</p> <p>Kebanyakan peranti digunakan melibatkan kesihatan, pendidikan, komunikasi yang dikuasakan dengan Intel.</p> <p>Intel juga secara konsisten menyumbang 10 peratus kepada eksport produk elektrik dan elektronik Malaysia</p> <p>Susulan pandemik COVID-19, Intel Malaysia telah menyumbang RM4 juta dalam peralatan perubatan, peralatan perlindungan diri, komputer riba, barang runcit dan makanan kepada komuniti.</p> | |
| 9. | The Edge 12 Feb 2021 <i>(Non Essential)</i> | <p>MAHO wants hotels allowed to take guests, no interstate travel ban</p> <p>The Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO) is seeking the government to allow hotels to take guests for room accommodation and for meetings.</p> <p>Hotels suffered heavy losses last year, with some having to close down for good, resulting in termination of employees, while a number of hotels are still closed for unspecified period, subject to recovery. Since the Movement Control Order 2.0 (MCO 2.0) was implemented last Jan 13, about six hotels have closed down, while many of those still in business had to resort to putting their employees on a 50% salary cut and leave without pay.</p> <p>Since the country's border is still closed to foreign tourists, hotels in the country depend</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/maho-wants-hotels-allowed-take-guests-no-interstate-travel-ban |

| | | | |
|-----|---|---|---|
| | | wholly on domestic tourists to generate revenue. | |
| 10. | Astro Awani 15 Februari 2021 (Essential) | <p>Kerajaan sasar pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang 2030</p> <p>Kerajaan mensasarkan pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang tahun 2030.</p> <p>Bagi merealisasikan sasaran ini kerajaan menggunakan pendekatan 'pro-business environment' agar pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu melalui penglibatan sektor swasta.</p> <p>Kerajaan juga turut mempunyai beberapa strategi dan pendekatan dalam meningkatkan produktiviti sistem ternakan.</p> | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kerajaan-sasar-pengeluaran-sektor-akuakultur-sebanyak-958000-tan-metrik-menjelang-2030-282926 |

Penemuan penting & isu:

1. Perbadanan Nasional Bhd (PNS) menyasarkan untuk mewujudkan 18,000 peluang pekerjaan dan menyumbang sehingga RM4.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di bawah strategi lima tahun. Antara strategi adalah melalui mengembangkan portfolio francisnya sehingga 400 peratus kepada RM700 juta berbanding RM178 juta melalui Program 'Business-In-Transformation (BIT)'.
2. Selangor mengecualikan Duti Hiburan bagi bayaran masuk ke taman tema di negeri Selangor, berkuat kuasa 18 Mac tahun lalu sehingga 31 Disember 2021. Pelaksanaan tersebut memberi impak kewangan sebanyak RM26.35 juta. Selain itu, mengurangkan kadar Duti Hiburan daripada 25 peratus kepada lima peratus ke atas setiap bayaran masuk ke taman tema di Selangor selama lima tahun berkuat kuasa 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026.
3. Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur dan platform e-dagang, Shopee akan bekerjasama membawa peniaga Petaling Street ke atas talian sempena perayaan Tahun Baru Cina yang bakal disambut tidak lama lagi.

Peniaga di Petaling Street mengalami kerugian hingga 95 peratus disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang sedang dilaksanakan di negara ini akibat pengumuman kes harian positif Covid-19 yang masih tinggi. Lebih daripada 1,500 barang akan ditawarkan dalam koleksi khas "Petaling Street Goes Ong-Line" di Shopee yang bermula dari serendah 88 sen.

4. Gas Malaysia Bhd (Gas Malaysia) melanjutkan pengecualian caj gas asli untuk hospital kerajaan, kuarters kakitangan kerajaan terpilih dan perumahan awam dalam persekitaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan. Pengecualian diskaun sebanyak 100 peratus dari Januari hingga bulan Mac kepada pelanggan terpilih bertujuan membantu meringankan beban pelanggan membayar caj gas bulanan.
5. Projek prasarana bernilai RM130 bilion yang dijangka bermula pada separuh kedua tahun ini termasuk Transit Aliran Massa Lembah Klang 3, Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Transit Aliran Ringan Kuching dan penambakan laut di selatan Pulau Pinang. Walaupun jumlah tempahan baharu bagi syarikat-syarikat pembinaan ini akan tertangguh berikutan kelewatan anugerah kontrak dan penyusutan sektor hartanah, kebanyakan syarikat masih mempunyai nilai perolehan pembinaan dua kali ganda lebih tinggi.
6. Harga pasaran cili padi merah sejak bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 13 Januari lalu mencatatkan peningkatan ketara mencecah hampir RM30 sekilogram (kg). Harga cili padi merah sebelum ini, sebanyak RM8/kg, namun harganya kini RM25 ke atas.
7. Pengumuman Perodua untuk membeli komponen tempatan bernilai RM6.5 bilion telah memberikan harapan bahawa 2021 akan menjadi tahun pemulihan bagi industri ini. Sasaran jualan keseluruhan sebanyak 570,000 oleh Persatuan Automotif Malaysia bagi tahun ini, merupakan petunjuk positif bahawa industri dan ekonomi sedang menuju ke arah hala tuju yang betul.
8. Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) meminta Kerajaan untuk membenarkan hotel beroperasi untuk penginapan bilik dan kegunaan bermesyuarat. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (MCO 2.0) dilaksanakan pada 13 Januari lalu, pekerja sektor perhotelan terkesan dengan pemotongan gaji dan cuti tanpa gaji. Penutupan sempadan negara menyebabkan penurunan pelancong asing untuk menginap di hotel tempatan. Seterusnya industri bergantung kepada pelancong domestik bagi menjana pendapatan.

9. Malaysia menjadi hab penting operasi global Intel untuk menyampaikan produk utama industri di seluruh dunia. Operasi syarikat Intel di Malaysia merupakan yang terbesar di rantau Asia, dari segi pembuatan, reka bentuk, jualan, pemasaran serta Pusat Servis Perkhidmatan Perkongsian Global. Kebanyakan peranti digunakan melibatkan kesihatan, pendidikan dan komunikasi. Di samping itu, Intel menyumbang 10 peratus kepada eksport bagi produk elektrik dan elektronik.

10. Kerajaan mensasarkan pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang tahun 2030. Melalui pendekatan 'pro-business environment' pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu melalui penglibatan sektor swasta. Antaranya seperti projek rumpai laut, iCAGE bagi projek intergrasi sangkar dan intergrasi kolam yang kebanyakannya melibatkan udang marin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri francais dengan kerjasama Perbadanan Nasional Bhd (PNS) dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan 18,000 peluang pekerjaan. Di samping itu, meningkatkan gunatenaga dalam pasaran disokong oleh pembangunan teknologi digital

2. Inisiatif kerajaan Selangor untuk membantu industri pelancongan dengan melaksanakan pengecualian Duti Hiburan ke atas taman tema di Selangor. Tambahan itu, pengurangan kadar daripada 25 peratus kepada lima peratus bagi setiap bayaran masuk selama lima tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026 akan dilaksanakan. Inisiatif ini dijangka secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada industri pelancongan khususnya taman tema yang mempunyai rantaian dengan sektor pelancongan lain seperti agensi pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan sebagainya.

3. Kerjasama digital antara peniaga di Petaling Street dan platform e-dagang, Shopee merupakan inisiatif bagi meluaskan akses pasaran tempatan ke seluruh Malaysia, terutamanya bagi persediaan sambutan perayaan Tahun Baru Cina. Lebih daripada 1,500 barang ditawarkan dan dijangka dapat mengelakkan kerugian yang dialami oleh peniaga di luar talian. Pertumbuhan KDNK bagi subsektor Maklumat dan Komunikasi meningkat 5.9 peratus sepanjang tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

4. Projek prasarana bernilai RM130 bilion dijangka akan bermula pada separuh kedua tahun ini termasuk Transit Aliran Massa Lembah Klang 3, Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Transit Aliran Ringan Kuching dan penambakan laut di selatan Pulau Pinang. Justeru peningkatan perbelanjaan prasarana oleh Kerajaan ketika penularan pandemik COVID-

| | 19 akan turut memberi impak positif kepada kontraktor utama serta yang bermodal kecil dan sederhana. Secara tidak langsung memberi prospek positif sektor ini bagi separuh kedua tahun 2021. | | |
|-----------|--|---|---|
| 5. | Pengumuman Perodua untuk membeli komponen tempatan bernilai RM6.5 bilion memberi petunjuk positif bahawa 2021 dijangka akan menjadi tahun pemulihan bagi industri ini. Komitmen pengeluar kenderaan tempatan terhadap ekosistem automotif Negara ini, di samping pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan dijangka dapat membantu melindungi industri ini. KDNK bagi subsektor Kenderaan bermotor meningkat 5.2 peratus bagi suku ke empat tahun 2020 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. | | |
| 6. | Operasi syarikat Intel di Malaysia merupakan yang terbesar di rantau Asia, dari segi pembuatan, reka bentuk, jualan, pemasaran serta Pusat Servis Perkhidmatan Perkongsian Global. Di samping itu, Intel menyumbang 10 peratus kepada eksport bagi produk elektrik dan elektronik. Selain itu, Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna menyumbang sebanyak 4.5 peratus kepada KDNK bagi tahun 2020 berbanding 4.0 peratus tahun sebelumnya. | | |
| 7. | Kerajaan mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang tahun 2030 dengan kerjasama pihak swasta. Industri ini yang menyumbang sebanyak 0.3 peratus kepada KDNK pada tahun 2020 dijangka akan memberi kesan kepada sektor perikanan Malaysia. | | |
| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Star 3 Feb. 2021 (Essential) | Steel price hike leaves contractors at a loss The 48% increase in steel prices has put additional pressure on many contractors who are still reeling from revenue losses. The hike in the price of steel, if not controlled by the government, would not only impact contractors but also the developers. | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2021/02/03/steel-price-hike-leaves-contractors-at-a-loss |
| 2. | Malaysiagazette 6 Feb. 2021 (Essential) | Tak patut harga petrol dinaikkan semasa PKP, pendapatan P-hailing terjejas | https://malaysiagazette.com/2021/02/06/tak-patut-harga-petrol-dinaikkan-semasa/ |

| | | | |
|----|---|---|---|
| | | <p>Kenaikan harga petrol yang diumumkan sejak kebelakangan ini memberi kesan ekonomi kepada lebih 50,000 pengusaha penghantar makanan (P-Hailing) yang kebanyakannya dalam kalangan golongan B40.</p> <p>Walaupun kenaikan bahan api ini berkaitan dengan harga pasaran minyak dunia tetapi keadaan ini perlu dipandang serius dan perlu dikaji semula untuk membantu golongan penunggang P-hailing yang terjejas ketika PKP seperti keperluan pemberian subsidi.</p> | pkp-pendapatan-p-hailing-terjejas/ |
| 3. | Berita Harian 7 Feb. 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Kurang permintaan ketika PKP antara faktor pengaruhi kenaikan harga sayur</p> <p>Kekurangan bekalan import, permintaan kurang disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan cuaca antara faktor mempengaruhi turun naik harga sayuran di pasaran tempatan.</p> | https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/02/784030/kurang-permintaan-ketika-pkp-antara-faktor-pengaruhi-kenaikan-harga |
| 4. | Sinar Harian 7 Feb. 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Harga bawang dan cili merah turun 10 peratus</p> <p>Harga bawang dan cili merah kini dilaporkan menurun lebih 10 peratus berbanding sebelum ini berikutan bekalan di pasaran kembali stabil. Dua jenis barang itu sebahagian daripada 406 barang keperluan harian pengguna yang dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.</p> | https://www.sinarharian.com.my/article/122802/BERITA/Nasional/Harga-bawang-dan-cili-merah-turun-10-peratus |

| | | | |
|--|--|---|---|
| 5. | Sinar Harian 8 Feb. 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Harga gajet naik sehingga 70 peratus</p> <p>Harga komputer riba dan gajet elektronik dikesan melambung tinggi di pasaran dengan kenaikan sehingga 70 peratus kerana permintaan tinggi susulan pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).</p> | https://www.sinarharian.com.my/article/122858/LAPORAN-KHAS/Harga-gajet-naik-sehingga-70-peratus |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Kenaikan harga besi sebanyak 48% akan mengakibatkan kontraktor akan mengalami kerugian. 2. Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) meminta kerajaan mengkaji semula kenaikan harga petrol yang dilihat membebankan dan mencari insiatif untuk membantu penunggang perkhidmatan penghantaran barang dan makanan. Kenaikan harga minyak ini menambahkan lagi kesan negatif terhadap pendapatan penunggang P-Hailing yang tidak menentu, selain kadar upah bayaran yang tidak berbaloi, serta lambakan 'riders' yang sedia ada. Perkhidmatan penunggang P-Hailing turut membantu kerajaan dalam usaha merancakkan ekonomi negara walaupun Malaysia berdepan situasi mencabar akibat penularan pandemik COVID-19. 3. Faktor cuaca dan pelaksanaan PKP turut menjadi punca kepada kenaikan harga sayur-sayuran. Kebanyakan sayur yang mengalami kenaikan harga dalam tempoh PKP adalah dari jenis berdaun yang naik antara RM1 hingga RM2 sekilogram. Tomato dijual pada harga RM6 sekilogram tetapi kita hanya dibenarkan jual di pasaran pada harga RM5.50. 4. Harga bawang dan cili menurun turun 10%. Harga sayur-sayuran juga meningkat. Sayur kailan dan sawi jepun, sebelum ini harganya antara RM4 per kg, sekarang ada RM8 sehingga RM10 per kg. 5. Bendi yang dijual RM16 sekilogram tiga minggu lalu, turun kepada RM10 sekarang. Cili merah yang melonjak kepada RM22 tiga minggu lalu juga turun kepada RM18. Harga tomato sudah turun kepada RM5.50 berbanding RM9 tiga minggu lalu, kacang panjang juga RM10 berbanding RM13 Timun juga dijual RM2 sekilogram sekarang berbanding RM5. Ikan mabong dan ikan selar, masing-masing jual pada RM19.90 dan RM23 sekilogram tetapi hari ini lebih murah kepada RM17 dan RM19. Ikan kembung dijual pada harga RM12.90 sekilogram tetapi kini turun kepada RM9. | | | |

6. Harga komputer riba dan gajet naik sehingga 70 peratus di sesetengah negeri. Perkara ini adalah disebabkan oleh ketiadaan stok di sesetengah kedai dan membuatkan peniaga menaikkan harga komputer riba dan gajet tersebut.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga besi akan mengakibatkan perubahan Indeks Kos Bahan Binaan bagi item besi.
2. Kenaikan harga minyak akan memberi tekanan kepada keseluruhan inflasi dan paling terkesan kepada inflasi bagi kumpulan Pengangkutan.
3. Peningkatan harga item pasar seperti sayuran akan memberi kesan kepada inflasi keseluruhan dan inflasi subkumpulan sayuran.
4. Kenaikan harga alat teknologi dan komunikasi seperti komputer riba dan telefon pintar sepanjang tempoh PKP ini akan memberi kesan kepada inflasi kumpulan komunikasi.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|-----|--|---|--|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Harian Metro 13 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | 3,499 kes baharu Covid-19, angka kematian turun Jumlah kematian akibat Covid-19 hari ini mencatat penurunan berbanding semalam dengan lima kematian dilaporkan manakala kes baharu positif wabak itu terus merekodkan empat angka dengan 3,499 kes. | https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/02/674160/3499-kes-baharu-covid-19-angka-kematian-turun |

Penemuan penting & isu:

1. Kes kematian pada 12 Februari 2021 membabitkan dua kes di Selangor serta masing-masing satu kes di Sabah, Johor, dan Terengganu dengan lingkungan umur kesemua mangsa dari 20 hingga 68 tahun.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kematian disebabkan COVID-19 akan menjadi input kepada Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia, 2021.

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|-----|--|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Berita Harian 13 Feb. 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Saluran DidikTV KPM mulai 17 Februari</p> <p>Didik TV yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mula ditayang pada 17 Februari 2021. Saluran tersebut akan bersiaran dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.</p> <p>Ini adalah antara inisiatif KPM untuk meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti untuk murid di seluruh negara.</p> | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/785795/saluran-didiktv-kpm-mulai-17-februari |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperkenalkan saluran khusus TV Pendidikan yang dikenali sebagai DidikTV KPM mulai 17 Februari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Saluran DidikTV yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah satu inisiatif untuk memastikan tiada murid tercicir. Hal ini memudahkan kerana saluran tersebut tidak memerlukan internet dan boleh diakses percuma oleh isi rumah yang memiliki televisyen. Merujuk MyLocal Stats 2019 dan ICT Use and Access by Households and Individuals Survey 2019, peratusan isi rumah memiliki televisyen di Malaysia adalah sebanyak 97.7 peratus.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|-----|--|-----------|--------|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |

| | | | |
|---|--|--|---|
| 1. | The New Straits Times 1 Feb. 2021 (Essential) | Issue moratorium against logging activities The latest development is contrary to the explanation given by the Prime Minister recently that the advice given to the Yang di-Pertuan Agong for the emergency proclamation was made to find solutions for the major issues faced by our country, namely the Covid-19 pandemic and flooding that had hit several states. | https://www.nst.com.my/opinion/letters/2021/02/662213/issue-moratorium-against-logging-activities |
| 2. | The Sun 2 Feb. 2021 (Non-essential) | Handle and dispose PPE properly Plastics turned out to be the hero, combating the infamous coronavirus hand in hand with our frontliners. The battle against the pandemic is far from over. | https://www.thesunday.my/opinion/handle-and-dispose-ppe-properly-MF6465853 |
| 3. | The Sun Daily 6 Feb. 2021 (Non-essential) | Recycle electrical, electronic goods for environment, health-DOE Although the society is more aware on the importance of recycling solid waste such as paper and plastic, but many still simply disposed off their electrical and electronic goods (e-waste), not realising the negative impact on health and the environment by their doing. Considering the current Movement Control Order (MCO), the public might gather the goods at their home first. | https://www.thesunday.my/local/recycle-electrical-electronic-goods-for-environment-health-doe-YH6559001 |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <p>1. <i>With massive development and the disappearance of forests and habitats, contact between wild animals and humans is becoming increasingly common. When animals get stressed, they start to shed or expel the harmful viruses or</i></p> | | | |

bacteria in their bodies and affect human lives. Therefore, in the long run, logging activities and the disappearance of forests have a direct relation with the catastrophe that we are facing now that is the outbreak of a virus, which has affected our lives.

2. *The looming rise of Covid-19 cases in Malaysia (and worldwide) witnessed an overwhelming demand for plastic and rubber-based personal protective equipment (PPE) such as face masks, gloves, goggles, and gowns. PPE is not just demanded in the medical sector but also heavily used as part of household products and among service industries including cashiers, petrol pump and flight attendants, customer service staff, and security guards to limit and eventually inhibit the Covid-19 infection. Worryingly, accumulated PPE waste could be infected unknowingly and can potentially cause cross-contamination, boosting up the infection rate. The world will face more critical environmental and health issues without proper domestic waste handling.*
3. *Technological innovations, especially mobile phones, are growing rapidly and this directly increases the generation of e-waste for disposal, with a study by the Japan International Cooperation Agency in 2015 estimating the generation of e-waste by households in Malaysia to reach 24.5 million units by 2025. The Department of Environment (DOE) aims to collect 100 metric tonnes of e-waste from households this the year through the E-Waste Collection Day campaign. Environmentally friendly e-waste management could help the government to reduce cost of RM60 million a year and RM22.8 million a year in recycling cost, besides being able to reduce e-waste at solid waste landfills of up to 56,000 tonnes a year. Through the campaign to be launched at the end of this month, the public could send their unwanted electrical and electronic goods, including mobile phones, air conditioners, washing machines and refrigerators to 123 collection centres and 21 DOE-registered recovery facilities throughout the country.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti pengeluaran kayu balak di Malaysia sepanjang tempoh PKP masih berlangsung kerana ia di bawah perkhidmatan perlu. Berdasarkan penerbitan Indikator Pertanian Terpilih 2020, pengeluaran kayu balak pada 2018 adalah 10.3 juta meter padu.
2. Peningkatan jumlah sisa personal protection equipment (PPE) adalah berpunca daripada buangan klinikal (buangan yang terdiri daripada keseluruhan atau sebahagian tisu manusia, darah atau bendalir badan, bahan kumuh, ubat-ubatan, produk farmaseutikal dan lain-lain). Ia diklasifikasikan sebagai buangan terjadual di bawah Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Berdasarkan penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2020, kuantiti buangan klinikal pada 2019, sebanyak 33.8 ribu tan metrik. Tiga (3)

| <p>negeri iaitu Selangor (7.3 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (3.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (3.7 ribu tan metrik) mencatatkan jumlah buangan klinikal tertinggi.</p> <p>3. Perkembangan pesat inovasi teknologi secara langsung akan meningkatkan penghasilan e-waste. Berdasarkan kajian oleh <i>Japan International Cooperation Agency</i> pada tahun 2015 yang menganggarkan penjanaan e-waste oleh isi rumah di Malaysia mencapai 24.5 juta unit menjelang 2025. Pada 2019, berdasarkan maklumat Jabatan Alam Sekitar, jumlah buangan e-waste yang dihasilkan sebanyak 89,956.3 tan metrik atau 2.2 peratus daripada jumlah keseluruhan buangan terjadual (4,013,189.0 tan metrik).</p> | | | |
|---|---|---|---|
| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1 | The Edge Market 12 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Over 17,000 gain employment through MYFutureJobs — M. Saravanan</p> <p>Over 17,300 local job seekers have secured employment via the national employment portal MYFutureJobs as of Feb 9.</p> <p>MYFutureJobs was one of KSM's initiatives in supporting the government's efforts through the National Employment Council (NEC), to realise strategies to generate and maintain jobs in line with Budget 2021 goals of safeguarding the "People's Welfare".</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/over-17000-gain-employment-through-myfuturejobs-%E2%80%94-m-saravanan |
| 2 | The Edge Market 11 Feb 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>MCO: Recreational fishing, driving institutes, gyms allowed to operate from Feb 12 — Ismail Sabri</p> <p>Business premises related to fishing activities, like fishing ponds, houseboats, fishing platforms, raft houses and fishing boats, including driving</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/mco-recreational-fishing-driving-institutes-gyms-allowed-operate-feb-12-%E2%80%94-ismail-sabri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | <p>institutes, flight training centres, gyms, badminton halls and golf courses will be allowed to resume operation beginning tomorrow with strict standard operating procedures (SOP) during the Movement Control Order (MCO) period.</p> | |
| 3 | The Edge Market 14 Feb 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Many self-employed workers in Terengganu not contributing to Socso</p> <p>As of last year, only 3,924 self-employed workers from various sectors had contributed under Socso's Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS) and estimated that there were about 25,000 people who are self-employed in Terengganu.</p> <p>With the spread of the COVID-19 pandemic, many people were laid off and had to be self-employed, such as being food deliverers and so on. So, contributor will immediately have protection in the event of any untoward incident while they are on the job.</p> | https://www.theedgemarkets.com/63rticle/many-selfemployed-workers-terengganu-not-contributing-socso |
| 4 | The Edge Market 9 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Govt confident of reducing jobless rate to 3.5% despite MCO enforcement</p> <p>The Government is confident of meeting unemployment rate target of 3.5% in 2021, despite the current Movement Control Order 2.0 in force, as its initiatives to reduce joblessness in the country in the new normal. Following the second</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-confident-reducing-jobless-rate-35-despite-mco-enforcement |

| | | | |
|---|--|---|---|
| | | <p>National Employment Council (NEC) meeting today it is estimates more than 160,000 new jobs will be created in 2021, based on committed investment.</p> <p>The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) and SME Association of Malaysia welcomed to assist the Government in addressing the rise in unemployment through initiatives announced in Budget 2021, especially in terms of upskilling and digitalisation.</p> | |
| 5 | The Edge Market 7 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Two million expected to access e-LATiH by year-end: Saravanan</p> <p>The e-LATiH platform expected to be utilised by two million users by the end of this year. Since its launch yesterday, as many as 5,240 Malaysians had registered and started accessing the courses via the platform.</p> <p>The e-learning hub e-LATiH launched by Human Resource Development Fund (HRDF) yesterday provides free access to various content-based education and skills development, to help Malaysians affected by the spread of Covid-19 to face the future. HRDF to increase the content to be uploaded to the e-LATiH platform every week.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/two-million-expected-access-elatih-yearend-%E2%80%94-saravanan |

| | | | |
|---|--|--|---|
| 6 | The Edge Market 7 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | Additional RM141.7 mil for Sarawak SMEs affected by Covid-19 <p>Sarawak has announced an additional allocation of RM141.7 million for small and medium enterprises (SMEs) affected by Covid-19, under the Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS 5.0).</p> <p>The RM20 million will be channeled to the SME Loan Scheme (SPIKS) and RM22.2 million for interest subsidy under the Targeted Relief and Recovery Facility (TRRF). Another RM20 million will be provided for the Technical and Vocational Entrepreneurs Programme (USTEV) and Graduates Towards Entrepreneurship Programme (GERAK).</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/additional-rm1417-mil-sarawak-smes-affected-covid19 |
| 7 | The Edge Market 6 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | Wage Subsidy Programme termination will not increase unemployment rate - Socso <p>The termination of the Wage Subsidy Programme (PSU) will not contribute to increase in lay-offs or unemployment rate. This was based on the results of a survey conducted by the EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market (EU-ERA) involving 469 companies receiving the PSU. Only 15% of the respondents plan to reduce their employees, while 29% plan to increase their manpower and over half or 56%</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/wage-subsidy-programme-termination-will-not-increase-unemployment-rate-%E2%80%94-socso |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | intend to retain the existing employees. | |
| 8 | The Edge Market 5 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Resorts World Genting temporary closure extended to Feb 18</p> <p>All operations at Resorts World Genting (RWG) in Genting Highlands will remain closed following the extension of the second movement control order (MCO 2.0) until Feb 18 as announced by the government.</p> <p>All operations at RWG, except essential resort-based services such as security, bomba, utilities and clinics, will not be operational.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/resorts-world-genting-temporary-closure-extended-feb-18 |
| 9 | The Edge Market 4 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Night markets, barber shops, car wash centres can reopen tomorrow</p> <p>Night markets, barber shops/hairdressing saloons, and car wash facilities were allowed to reopen tomorrow with adherence to strict standard operating procedures (SOPs) under the extended Movement Control Order 2.0 (MCO 2.0).</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/night-markets-barber-shops-car-wash-centres-can-reopen-tomorrow |
| 10 | The Edge Market 2 Feb 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Govt activates rubber production incentive for January 2021</p> <p>The Rubber Production Incentive (IPG) for January 2021 has been activated in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-activates-rubber-production-incentive-january-2021 |

| | | |
|--|---|--|
| | The activation of the IPG provided by the federal government is meant to help rubber smallholders in the country, including those in Sabah and Sarawak, when the price of the commodity is low. | |
|--|---|--|

Penemuan penting & isu:

1. Lebih 17,300 pencari kerja tempatan telah mendapat pekerjaan melalui portal pekerjaan nasional MYFutureJobs sehingga 9 Februari 2021. MYFutureJobs adalah salah satu inisiatif di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam menyokong langkah kerajaan melalui Majlis Pekerjaan Negara (NEC) dalam merealisasikan strategi mewujudkan pekerjaan selari dengan matlamat Belanjawan 2021 – ‘Memelihara Kesejahteraan Rakyat’.
2. Premis perniagaan berkaitan aktiviti perikanan seperti kolam ikan, rumah bot, platform perikanan, bot pancing dan rumah rakit, dan termasuk institusi memandu, pusat latihan penerbangan, gymnasium, dewan badminton dan padang golf dibenarkan beroperasi dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3. Sehingga akhir tahun lepas, hanya 3,924 pekerja sendiri daripada pelbagai sektor telah mencarum di bawah Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS), SOCSO dan dianggarkan seramai 25 ribu pekerja sendiri di Terengganu. Dengan penularan COVID-19, ramai yang diberhentikan kerja dan terpaksa bekerja sendiri dengan menjadi penghantar makanan. Pencarum akan mendapat perlindungan serta merta jika terjadi kemalangan di tempat kerja.
4. Kerajaan yakin mencapai target kadar pengangguran 3.5 peratus pada 2021, walaupun dalam tempoh pelaksanaan PKP, sebagai inisiatif mengurangkan pengangguran di negara dalam norma baharu ini. Mesyuarat Majlis Pekerjaan Negara (MPN) menganggarkan sebanyak 160 ribu pekerjaan akan diwujudkan pada 2021 berdasarkan pelaburan. Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan SME Association of Malaysia berbesar hati untuk membantu kerajaan menangani kenaikan kadar pengangguran menerusi insiatif diumumkan dalam Belanjawan 2021, terutamanya dari segi peningkatan kemahiran dan pendigitalan.
5. Platform e-LATiH dijangka menarik seramai 2 juta pengguna sehingga akhir tahun ini. Sejak pelancaran semalam, seramai 5,240 rakyat Malaysia telah mendaftar dan mengakses kursus menerusi platform ini. Hub e-pembelajaran e-LATiH telah dilancarkan oleh Pembangunan Sumber

Manusia Berhad (HRDF) semalam dan menyediakan akses percuma kepada pelbagai kandungan pembelajaran dan pembangunan kemahiran bagi membantu rakyat Malaysia yang terjejas dengan pandemik COVID-19. HRDF akan menambah kandungan yang dimuat naik ke platform e-LATiH setiap minggu.

6. Kerajaan Sarawak mengumumkan tambahan peruntukan RM141.7 juta kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas dengan pandemik COVID-19, di bawah Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS 5.0). Tambahan RM20 juta akan disalurkan kepada SME Loan Scheme (SPIKS) dan RM22.2 juta untuk subsidi faedah di bawah Targeted Relief and Recovery Facility (TRRF). RM20 juta lagi akan disalurkan untuk Technical and Vocational Entrepreneurs Programme (USTEV) dan Graduates Towards Entrepreneurship Programme (GERAK).
7. Penamatan Program Subsidi Upah (PSU) tidak akan menyebabkan peningkatan pemberhentian atau kadar pengangguran. Hal ini berdasarkan laporan kajian dijalankan EIS-UPMCS Centre for Future Labour Market (EU-ERA) melibatkan 469 syarikat yang menerima PSU. Hanya 15 peratus responden merancang mengurangkan pekerja, manakala 29 peratus akan meningkatkan tenaga kerja dan 56 peratus akan mengekalkan pekerja.
8. Semua operasi di Resorts World Genting (RWG), Genting Highlands akan terus ditutup berikut lanjutan tempoh PKP sehingga 18 Februari 2021. Semua operasi di RWG kecuali perkhidmatan penting resort seperti keselamatan, bomba, utiliti dan klinik tidak akan beroperasi.
9. Pasar malam, kedai gunting rambut/ salon dandan, dan fasiliti basuh kereta dibenarkan dibuka esok dengan pematuhan kepada SOP yang ketat dalam tempoh lanjutan PKP
10. Inisiatif Pengeluaran Getah (IPG) bagi Januari 2021 telah diaktifkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pengaktifan IPG yang disediakan oleh kerajaan adalah bagi membantu peladang kecil di negara ini apabila harga komoditi berada pada paras rendah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST4 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,922.3 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,161.6 ribu
 - iii) Penganggur: 760.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,318.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5%

vi) Kadar pengangguran: 4.8%

2. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2020:
- i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,281 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,341 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,159 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,259 ribu jawatan diisi (15.1%).
 - ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,546 ribu (18.7%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 910 ribu (11.0%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 789 ribu (9.5%).
 - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 566 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 411 ribu (5.0%).
 - iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 16.7 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 6.8 ribu (40.5%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (38.4%).
3. Statistik pekerja bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,875 ribu orang
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 78 ribu orang
 - iii) Pembuatan: 2,542 ribu orang
 - iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
 - v) Perkhidmatan: 9,197 ribu orang
 - vi) Jumlah: 15,096 ribu orang
4. Statistik produktiviti buruh bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:

| Aktiviti ekonomi | Produktiviti buruh mengikut jam bekerja | | Produktiviti buruh mengikut pekerja | |
|------------------------------|---|---------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|
| | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) |
| Pertanian | 28.4 | 0.6 | 14,849 | 0.3 |
| Perlombongan dan pengkuarian | 458.8 | -4.5 | 278,831 | -4.6 |

| | | | | |
|---------------|-------------|------------|---------------|-------------|
| Pembuatan | 56.0 | 6.9 | 32,485 | 3.6 |
| Pembinaan | 17.9 | -9.0 | 10,583 | -10.2 |
| Perkhidmatan | 38.3 | -1.4 | 21,749 | -3.9 |
| Jumlah | 41.0 | 0.1 | 23,248 | -2.2 |

5. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah tahun 2019, penengah gaji & upah bulanan adalah RM2,442 manakala purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,224.
6. Terdapat 1,256.2 ribu orang pekerja dalam sektor informal pada tahun 2019 berdasarkan Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal. Pekerja kategori ini meliputi 8.3 peratus daripada keseluruhan pekerja di Malaysia.